

## **MENELUSURI LITERATUR SIRAH RASULULLAH SALLALLAHUALAIHIWASALLAM**

**Zulkifli Hasan**

Ahad ini bersamaan dengan 12 Rabiulawal 2012 seperti kebiasaannya umat Islam akan menyambut Maulidur Rasul bersempena memperingati kelahiran Nabi Muhammad *Sallallahu alaihi wasallam* yang kita kasihi. Mungkin ada yang tidak tahu bahawa tarikh kewafatan Rasulullah berlaku pada 12 Rabiulawal 11 Hijrah/632M seperti yang diriwayatkan oleh sebahagian besar ahli sejarah. Manfaat juga untuk dikongsikan di sini bahawasanya kebanyakan ahli sejarah pada zaman sahabat dan tabiin yang meriwayatkan kisah dan kehidupan Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* merupakan pakar dalam ilmu hadis.

Tatkala sebahagian umat Islam sibuk membuat persiapan menyambut Maulidur Rasul dengan pelbagai aktiviti, ada juga yang mempertikaikan usaha ini dan melabelkannya sebagai bidaah. Dalam kekhilafan ini, penulis memilih pendekatan sederhana untuk bersama-sama Imam Jalaluddin Sayuti, Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Yusuf Qaradawi dan *fuqaha* yang lain untuk mengharuskan sambutan Maulidur Rasul dengan syarat ianya tidak mencampur adukkan perkara yang dilarang oleh Islam. Dalam merungkai permasalahan ini, penulis ingin menukilkan kata-kata Hasan Al Banna menasihati umat Islam dalam masalah ini seperti yang diungkapkan oleh Yusuf Qaradawi di dalam *Fiqh Awlawiyat*, halaman 266-267 yang bermaksud:

*“Wahai saudara-saudaraku, aku amat mengetahui bahawa saudara yang bertanya tadi, termasuk juga ramai di kalangan kalian, tidak bermaksud daripada soalan seumpama itu melainkan hanya ingin mengetahui, daripada kumpulan manakah pengajar baru ini? Adakah daripada kumpulan Syeikh Musa atau daripada kumpulan Syeikh Abdul Sami’?! Sesungguhnya pengetahuan ini tidak memberikan apa-apa manfaat kepada kamu, sedangkan kamu telah menghabiskan masa dalam keadaan fitnah selama lapan tahun dan cukuplah sekadar itu. Kesemua masalah-masalah itu telah diperselisihkan oleh umat Islam sejak ratusan tahun dan mereka masih terus berselisih pendapat sehingga ke hari ini, namun Allah SWT redha kepada kita untuk berkasih sayang dan bersatu padu serta membenci untuk kita berselisihan dan berpecah-belah. Maka aku ingin mengajak kamu semua berjanji dengan Allah SWT untuk meninggalkan semua perkara-perkara ini sekarang, dan bersungguh-sungguh untuk mempelajari asas-asas agama dan kaedah-kaedahnya, beramal dengan akhlaknya, kelebihan-kelebihannya yang umum dan petunjuk-petunjuknya yang disepakati. Dan mendirikan segala kewajipan dan sunat serta meninggalkan sikap memberat-beratkan dan terlalu rigid supaya hati menjadi suci. Dan supaya menjadi tujuan kita semua hanya untuk mengetahui kebenaran, bukan hanya kerana sekadar mahu memenangkan satu pandangan. Ketika itu, kita mempelajari kesemua ini bersama dalam keadaan kasih sayang, kepercayaan, kesatuan dan keikhlasan. Aku berharap kamu terimalah pandanganku ini dan agar ia menjadi perjanjian sesame kita untuk berbuat demikian”*

Berdasarkan kepada peringatan penting Hasan Al Banna di atas, sudah pasti isu sambutan Maulidur Rasul ini tidak akan menjadi punca perselisihan dan perpecahan umat Islam sekiranya maksud sebenar sambutan seumpama ini dihayati. Jika ditinjau sejarah, C. Cherfils di dalam bukunya ‘Napoleon And Islam’ menukilkan bahawa Napoleon Bonaparte juga telah menganjurkan upacara besar-besaran menyambut Maulidur Rasul di atas kekagumannya terhadap Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*. Hingga ada yang mengatakan dengan yakin berdasarkan beberapa dokumen sahih

bahawa Napoleon diakhir hayatnya adalah seorang Muslim dengan nama Muhammad Ali Bonaparte.

Namun harus diingat, pada masa umat Islam beriya-beriya untuk menjayakan sambutan Maulidur Rasul dengan pelbagai program dan aktiviti di setiap pelusuk negara, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa masih ramai yang tidak mengenali *Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* sama ada dari aspek pemikiran, peribadi, akhlak, pendekatan dan keseluruhan cara hidup baginda. Penulis mengambil kesempatan ini untuk berkongsi sedikit pengetahuan untuk membicarakan literatur mengenai *Sirah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* dengan harapan ianya akan dapat menjadi panduan dan rujukan selepas ini.

Merujuk kepada sejarah penulisan *Sirah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam*, ianya telah pun dimulakan oleh para sahabat seperti Abu Rafi Mawla yang telah menulis tentang sifat solat dan ibadah baginda. Ini termasuk Sahl b. Abi Hathmah al-Madani al-'Ansari dan 'Abd Allah b. 'Amru b. al-'As b. Wa'il b. Hashim. Penulisan *sirah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* secara sistematik telah dimulakan oleh para Muhaddithun yang juga ahli sejarah seperti Sa'id b. al-Musayyib al-Makhzumi, 'Urwah b. al-Zubayr b. al-'Awwam and Abu Fadalah 'Abd Allah b. Ka'b b. Malik al-Ansari.

Penulisan *sirah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* kemudiannya kian popular ketika zaman Muhammad b. Ishaq yang telah menulis kitab *Kitab al-Mubtada' wa al-Mab'ath wa al-Maghazi* iaitu buku yang membincangkan secara terperinci kehidupan baginda bermula kelahiran hingga kewafatan. Ini diikuti oleh Muhammad b. 'Umar al-Waqidi yang menulis *Kitab Azwaj al-Nabiyy, Kitab al-Tarikh wa al-Maghazi wa al-Mab'ath and Kitab Wafat al-Nabiyy and Kitab al-Maghazi*. Kitab *Sirah* yang menjadi rujukan utama hingga kini telah ditulis oleh 'Abd al-Malik b. Hisham melalui karyanya yang masyhur iaitu *Kitab al-Sirah al-Nabawiyyah*.

Kitab-kitab *sirah* di atas walaubagaimanapun ditulis di dalam bahasa Arab dan mungkin ini menimbulkan kesulitan sesetengah pihak untuk memahami dan merujuk isi kandungannya. Ini sebenarnya tidak menjadi halangan bagi tujuan untuk memahami kehidupan *Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* kerana terdapat banyak buku-buku kontemporari yang ditulis oleh sejarawan Islam mahupun dalam bentuk terjemahan. Sebagai contoh buku "Life of the Prophet Muhammad: Al-Sira Al-Nabawiyya" oleh Ibn Kathir dan juga "The Life of Muhammad: A Translation of Ibn Ishaq: Sirat Rasul Allah" telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris yang boleh dijadikan sebagai rujukan.

Selain daripada itu, buku-buku lain yang boleh dirujuk adalah seperti "Prophet Muhammad and His mission" oleh S. Athar Husain, "Muhammad, the messenger of Islam: His Life and Prophecy" oleh Hajjah Amina Adil, "Mohammed and the Rise of Islam" oleh D. S. Margoliouth, "The Great Prophet a Short Life of the Founder of Islam" oleh F. K. Khan Durrani, "The Messenger of God Muhammad: An Analysis of the Prophet's life" oleh M. Fethullah Gulen, "Prophet Muhammad(s) and His Family: A Sociological Perspective" oleh Shamim Aleem, "The Prophet Muhammad: A Biography" oleh Barnaby Rogerson, "Muhammad: Prophet and Statesman" oleh William Montgomery Watt, "Muhammad: Prophet for Our Time (Eminent Lives)" and "Muhammad: Western Attempt to Understand Islam" oleh Karen Armstrong, "The Sealed Nectar (Ar-Raheeq Al-Makhtum)" oleh S. al-Mubarakpuri, "Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources" oleh Martin Lings, "Introducing Muhammad" oleh Ziauddin Sardar dan "Prophet Muhammad and His Miracles" oleh Bediuzzaman Said Nursi. Di

samping itu, terdapat juga koleksi rujukan dalam bentuk cakera padat seperti “The Life of the Last Prophet”, sebuah audio biografi oleh Yusuf Islam.

Kesemua koleksi *sirah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* di atas diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan faktor ini boleh menjadi penghalang sesetengah individu untuk memahami buku-buku tersebut. Sebenarnya terdapat buku-buku dalam bahasa Melayu telah diterbitkan seperti “Biografi Muhammad bin Abdullah” oleh Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abdul Rahman termasuk buku terjemahan seperti *Fiqh al-Sirah* oleh Muhammad Sa’id Ramadan al-Buti, “Sejarah kehidupan Nabi Muhammad” oleh Muhammad Hussein Haykal dan “*Sirah Nabi Muhammad SAW: Pengajaran dan Pedoman*” oleh Mustafa as-Shibaie. Berdasarkan senarai rujukan tertera di atas, penulis menganjurkan agar setiap umat Islam untuk memiliki sekurang-kurangnya senaskhah *sirah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* sebagai koleksi peribadi.

Memahami dan meneladani *Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* merupakan suatu kewajipan bagi semua umat Islam. Perkara ini tidak akan dapat dicapai melainkan melalui proses pencarian ilmu. Dalam aspek ini, sememangnya kita telah disajikan dengan pelbagai koleksi rujukan mengenai kehidupan *Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam*. Hanya tinggal kini ialah kemahuan, keazaman, keiltizaman diri untuk belajar memahami dan meneladani seterusnya mendidik jiwa dan rohani untuk mengasihi *Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam*.